

D853

U B270 AAB
MAHATHIR - ABDULLAH ANG

KUALA LUMPUR, 4 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA LAPORAN BERHUBUNG PENYIASATAN BEKAS BANDUAN ABDULLAH ANG YANG DIDAKWA DIBERI LAYANAN ISTIMEWA DAN DIBENARKAN BERGERAK BEBAS WALAUPUN MASIH DALAM TAHANAN AKAN DIUMUMKAN KEPADA ORANG RAMAI.

SAMA ADA KESEMUA ATAU SEBAHAGIAN DARIPADA LAPORAN ITU DIUMUMKAN AKAN DITENTUKAN OLEH PEGUAM NEGARA, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO SELAMA HAMPIR TIGA JAM DI IBU PEJABAT UMNO DI MENARA DATUK ONN DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENYIASATAN ITU MERUPAKAN PENYIASATAN BAHAGIAN DAN PADA KEBIASAANNYA PENYIASATAN SEPERTI ITU ADALAH UNTUK MAKLUMAT KERAJAAN DAN OLEH ITU MENGIKUT ATURAN BIASA IA TIDAK DIUMUMKAN.

+MEMANDANGKAN BAHAWA IA MERUPAKAN SATU KEPENTINGAN AWAM DAN BANYAK ORANG HENDAK MENGETAHUI, MAKA KITA SEKARANG TELAH RUJUK PERKARA INI KEPADA PEGUAM NEGARA UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA KITA BOLEH LAPORKAN KEPADA ORANG AWAM SEMUA ISI KANDUNGAN LAPORAN ITU, + KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA PENGUMUMAN LAPORAN ITU TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG. -- LAGI
2052MST 04 11 8 9

D854

U B271 AAB
MAHATHIR - ABDULLAH ANG 2 KUALA LUMPUR

+KITA TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG . . . KALAU NAK TANYA KEHENDAK SAYA, SAYA NAK LAPORKAN SEMUA SEKALI TETAPI KALAU UNDANG-UNDANG TIDAK MEMBENARKANNYA, LAIN KIRALAH.

+TETAPI MINAT KERAJAAN IALAH UNTUK MELAPORKAN SEMUANYA, APA YANG KITA DAPAT MAKLUMAT KITA BOLEH BERITAHU KEPADA ORANG RAMAI. KITA TIDAK ADA APA YANG HENDAK DISEMBUNYIKAN, TINGGAL LAGI KITA MESTI PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA, + KATANYA.

+KITA NAK (LAPORKAN) SEMUA SEKALI MELAINKAN UNDANG-UNDANG KATA TAK BOLEH+, KATANYA.

LAPORAN ITU DIBUAT OLEH JAWATANKUASA PENYIASAT KEMENTERIAN DALAM NEGERI EKORAN PENDEDAHAN OLEH SEBUAH AKHBAR TEMPATAN TENTANG BEKAS PENGARAH PENGURUSAN MALAYSIAN OVERSEAS INVESTMENT CORPORATION (MOIC) ABDULLAH ANG YANG DIBERI LAYANAN ISTIMEWA DAN DIBENARKAN BERGERAK BEBAS WALAUPUN MASIH DALAM TAHANAN DI PENJARA KAJANG. -- BERNAMA
2055MST 04 11 8 9